

Landasan kembar majukan Perlis

Oleh BAZLI ABDUL RAHMAN
utusanperlis@utusan.com.my

PADANG BESAR 23 Ogos - Pembangunan ekonomi Perlis akan menjadi lebih pesat apabila siapnya Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar tahun 2013 nanti.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu berkata, pembangunan yang akan diterima hasil kemajuan projek itu nanti akan turut melonjakkan lagi pertumbuhan semasa ekonomi negeri.

Buat masa ini katanya, masih banyak pihak terutama rakyat Perlis belum nampak keuntungan jangka panjang hasil projek berkenaan kerana landasan tersebut masih dalam pembinaan.

"Apabila projek landasan kereta api berkembar itu siap nanti, Perlis akan menerima banyak kesan pembangunannya, terutama yang berkaitan dengan percambahan pembangunan ekonomi rakyat sendiri.

"Dengan kata lain, bukan sahaja perjalanan menggunakan kereta api tersebut menjadi lebih cepat, tetapi ekonomi negeri ini juga akan turut berkembang dengan lebih pantas," jelasnya.

Md. Isa berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perisytiharan dan Penyerahan Dividen Peserta-Peserta Felcra Berhad Negeri Perlis di Dewan Felcra Lubuk Sireh di sini hari ini.

Projek pembinaan landasan kereta api moden yang dimaksudkan oleh Md. Isa itu melibatkan laluan antara Ipoh, Perak dengan Padang Besar di Perlis.

Sehingga kini, kerja-kerja pembinaan projek berharga RM12.5 bilion yang dimulakan sejak Januari 2008 itu sedang dilaksanakan dengan pembinaan landasan meliputi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Projek menyediakan landasan kereta api termoden sepanjang 329 kilometer ini terbahagi kepada dua jajaran iaitu jajaran utama dan jajaran Kedah.

Bagi jajaran utama, ia melibatkan landasan Ipoh, Perak-Butterworth, Pulau Pinang sepanjang 171 kilometer, manakala jajaran Kedah pula meliputi laluan Bukit Mertajam, Pulau Pinang-Padang Besar, Perlis sejauh 158 kilometer.

Apabila siap projek itu nanti, perjalanan kereta api Padang Besar-Kuala Kumpur Central (KL Central) cuma mengambil masa lima jam ber-

banding sekarang lebih 10 jam.

Menteri Besar Perlis kemudian turut mengingatkan rakyat supaya mula mengintai pelbagai

peluang menarik, termasuk dalam aspek perniagaan bagi menambah pendapatan apabila projek berkenaan siap nanti.